



جايتن كحاكيمن شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

PASCA PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD.6(70)
Takwim : 8 Jamadilakhir 1443H
Tarikh : 11 Januari 2022

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

ARAHAN AMALAN NO. 5 TAHUN 2021

TATACARA PENYERAHAN PERINTAH BERKAITAN DENGAN KES *MAL* KEPADA PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB MELAKSANAKAN PERINTAH TANPA KEHADIRAN ATAU TIDAK DIWAKILI (KETIKA PERINTAH/ PENGHAKIMAN DIBERIKAN MAHKAMAH) BAGI TUJUAN PENGUATKUASAAN DAN PELAKSANAAN PERINTAH/ PENGHAKIMAN

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia pada 19 – 20 Rabiulawal 1443H bersamaan 26 – 27 Oktober 2021 di Swiss Garden Beach Resort, Kuantan, Pahang Darul Makmur yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Tatacara Penyerahan Perintah Berkaitan dengan Kes *Mal* kepada Pihak yang Bertanggungjawab Melaksanakan Perintah Tanpa Kehadiran atau Tidak Diwakili (Ketika Perintah/ Penghakiman Diberikan Mahkamah) bagi Tujuan Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah/ Penghakiman seperti berikut:

- i) Peruntukan subseksyen 135(3) Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah Negeri-Negeri hendaklah dirujuk dan dijadikan panduan;













- ii) Apabila suatu perintah dikeluarkan oleh Mahkamah dan diterima oleh pihak yang mendapat manfaat daripada perintah itu, sesalinan perintah itu hendaklah diserahkan kepada pihak yang bertanggungjawab melaksanakan perintah tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh perintah tersebut diterima;
- iii) Pihak yang mendapat manfaat daripada perintah itu hendaklah memfailkan affidavit penyampaian ke Mahkamah dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh perintah tersebut diserahkan kepada pihak yang bertanggungjawab melaksanakan perintah;
- iv) Mahkamah hendaklah menyimpan sesalinan affidavit penyampaian perintah ke dalam fail kes asal; dan
- v) Mahkamah hendaklah menyerahkan sesalinan affidavit penyampaian perintah kepada pihak yang mendapat manfaat daripada perintah itu untuk simpanan bagi tujuan penguatkuasaan dan pelaksanaan.

2. Proses kerja tatacara penyerahan perintah kepada pihak yang bertanggungjawab melaksanakan perintah bagi tujuan penguatkuasaan dan pelaksanaan di Mahkamah Syariah hendaklah sebagaimana di lampiran.

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta.

DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
Ketua Hakim Syarie/ Ketua Pengarah
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA

PROSES PENYERAHAN PERINTAH

ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB	ALIRAN KERJA	PROSES KERJA	CATATAN
		Mula	
Pihak yang mendapat manfaat daripada perintah itu/ Penghantar Notis	 	Menerima perintah dari Mahkamah	
Pihak yang mendapat manfaat daripada perintah itu/ Penghantar Notis	 	Menyampaikan perintah kepada pihak yang bertanggungjawab melaksanakan perintah dalam tempoh 7 hari dari penerimaan perintah Mahkamah	
Pihak yang mendapat manfaat daripada perintah itu/ Penghantar Notis	 	Memfailkan affidavit penyampaian perintah dalam tempoh 14 hari dari tarikh penyampaian perintah kepada pihak yang bertanggungjawab melaksanakan perintah	
Petugas Kaunter	 	Menyimpan sesalinan affidavit penyampaian serahan perintah ke dalam fail kes asal.	
Petugas Kaunter	 	Sesalinan affidavit penyampaian serahan perintah diserahkan kepada pihak yang mendapat manfaat daripada perintah itu untuk simpanan.	
		Tamat	